



Ruj. Kami: JPA(S)TT.193/37/Jld.4()

Tarikh: 16 DISEMBER 2003.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

GALAKAN MEMAKAI PAKAIAN BATIK OLEH PEGAWAI AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk menggalakkan pegawai awam supaya memakai pakaian batik sebagai sebahagian pakaian rasmi semasa bekerja.

2. Keputusan ini adalah selaras dengan kedudukan batik yang merupakan warisan negara yang perlu dikekalkan sebagai identiti Malaysia. Di samping itu, penggunaannya akan dapat memajukan lagi industri batik tempatan dan mempromosikan batik Malaysia.


3. Sehubungan dengan ini, Ketua Jabatan bolehlah menggunakan pertimbangan budi-bicara masing-masing untuk menentukan masa, hari (khususnya hari Sabtu dan hari kerja separuh hari yang lain) dan majlis rasmi yang sesuai bagi pegawai di bawah seliaan mereka memakai pakaian batik. Walau bagaimanapun keputusan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dikehendaki memakai pakaian seragam atau majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

4. Perlu ditegaskan bahawa pakaian batik yang dimaksudkan ialah batik buatan Malaysia. Bagi pegawai lelaki, mereka hendaklah memakai baju batik berlengan panjang dan berkolar, manakala bagi pegawai wanita pula mereka boleh memakai pakaian batik yang bersesuaian.

5. Keputusan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat edaran ini dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, peraturan pemakaian batik yang digariskan di perenggan 2.1.4 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 diubahsuai sewajarnya. Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan ini seterusnya kepada agensi di bawah seliaan Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan